

**Media Sosial Jentera Penting BN Hadapi Pilihan Raya - Musa Aman**  
**Bernama**  
**30 Jun, 2012**

SANDAKAN, 30 Jun (Bernama) -- Peranan media sosial kini dilihat mempunyai peranan lebih luas, antaranya menjadi jentera penting kepada Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata media sosial penyokong kerajaan berperanan penting dalam memperbetul dakyah seperti fitnah dan pembohongan yang disebar menerusi blog oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab.

"Serangan berbentuk fitnah dan sumber yang tidak benar cuba dibawakan oleh pihak tidak bertanggungjawab, ini seharusnya bijak ditepis oleh rakan media sosial.

"Mereka menjadi ejen dengan memberi penjelasan sebenar atau gambaran sebenar akan kerajaan yang begitu ikhlas menunaikan janji," katanya ketika berucap pada Siri Jelajah Konvensyen Media Sosial 1Malaysia Negeri Sabah bagi Zon 5.

Beliau berkata penjelasan itu penting kerana rakyat perlu tahu apa yang sebenarnya berlaku.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677096>